

3756/1

Prinsip Perakaunan

Kertas 1

1¼ jam

Nama: _____

Tingkatan: _____



NAMA SEKOLAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2026

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan mengandungi **40** soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda ingin menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

- 1 Apakah proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan?
- A Konsep perakaunan.
 - B Sistem perakaunan.
 - C Kitaran perakaunan
 - D Prinsip perakaunan.

- 2 Pernyataan berikut menerangkan suatu ciri kualitatif Penyata Kewangan.

Maklumat ini dapat mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna.

Apakah ciri kualitatif tersebut?

- A Pemasaan.
 - B Kerelevanan.
 - C Kebolehsahan.
 - D Perwakilan benar.
- 3 Berdasarkan ciri-ciri yang disenaraikan, apakah perniagaan yang sesuai?
- Modal kecil
 - Seorang pemilik
 - Berisiko rendah
- A Kedai Bakeri Hanida
 - B Perkongsian Hanida dan Anggun
 - C Bakeri Hanida Anggun Sdn Bhd
 - D Koperasi Bakeri Hanida
- 4 Antara yang berikut, manakah bukan komponen Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?
- A Hasil
 - B Belanja
 - C Jualan Bersih
 - D Aset Bukan Semasa

- 5 Jadual berikut menunjukkan nilai aset, liabiliti dan ekuiti pemilik.

Kenderaan (RM)	Lengkapan (RM)	Tunai (RM)	Modal (RM)	Pinjaman (RM)
30 000	15 000	8 590	X	13 400

Hitung nilai X?

- A RM38 500
B RM39 120
C RM40 190
D RM52 750
- 6 Perkhidmatan Catering Enaq mempunyai carta akaun seperti berikut.

Kod Item	Nama Akaun
1000-1199	Aset
2000-2999	Liabiliti
3000-3999	Hasil
4000-4999	Belanja

Apakah kod item yang sesuai bagi Akaun Utiliti?

- A 1254
B 2368
C 3796
D 4321



- 7 Dokumen berikut diterima daripada Perniagaan Zaleha.

Asal	INVOIS Mira Trading 909, Jalan Maju 86000 Kluang	A2311	
		Tarikh : 12 Mei 2026	
Kepada Perniagaan Zaleha 168, Jalan Tuah 86000 Kluang			
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
100kg	Nanas Madu	14	1400
			1400
Tolak : Diskaun niaga 20%			280
Jumlah			1 120
(Ringgit Malaysia : Satu Ribu Satu Ratus Dua Puluh sahaja)			
10% 5 hari, 5% 14 hari Syarat serahan : Angkutan dibayar K. & K. di K			
<i>Lha</i> Penerima		<i>mira</i> Pengurus	

Berapakah diskaun tunai yang diterima oleh Puan Zaleha sekiranya bayaran dibuat pada 19 Mei 2026?

- A RM56
- B RM112
- C RM1008
- D RM1064

- 8 Dokumen berikut diterima oleh Kedai Barang Antik.

PENYATA AKAUN Syarikat Amar Sdn. Bhd. 13 Jalan Melati 86000 Kluang				
Kedai Barang Antik 57 Jalan Indah 86000 Kluang			Tarikh: 30 Jun 2026	
Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
12.6.2026	Invois No.111	750		750
14.6.2026	Nota Debit No.013	80		830
17.6.2026	Nota Kredit No. 098		130	700
Ringgit Malaysia: Tujuh Ratus Sahaja <u>amar</u> Pengurus				

Pernyataan manakah menerangkan dokumen tersebut?

- A Menjadi bukti pembayaran oleh pelanggan
 - B Mengetahui jumlah yang sudah dibayar dan diterima oleh bank
 - C Memaklumkan pelanggan tentang baki hutangnya yang masih tertunggak
 - D Menunjukkan ringkasan urus niaga yang dilakukan oleh peniaga setiap bulan
- 9 Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Jurnal Am Kedai Pakaian Anggun.
- A Derma pakaian kepada mangsa banjir
 - B Beli kain batik secara tunai daripada Busana Trading
 - C Juwita Textile memulangkan kain pasang kerana rosak
 - D Jualan pakaian secara kredit kepada Perniagaan Citra Gaya

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Perabot Vimala.

Pada 8 Mei 2026, pemilik menerima invois daripada Pembekal Aziz kerana membeli 1 set meja makan bernilai RM980.

Pilih catatan urus niaga yang betul.

A

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2026			RM	RM
Mei 8	Perabot		980	
	Pembekal Aziz			980

B

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2026		RM
Mei 8	Pembekal Aziz	980

C

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2026		RM
Mei 8	Pembekal Aziz	980

D

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2026		RM
Mei 8	Pembekal Aziz	980



- 11 Maklumat berikut diperoleh daripada Buku Tunai Runcit Kedai Serbaneka Ali pada 31 Disember 2025.

	RM
Baki 1 Disember 2025	65
Penerimaan daripada ketua juruwang	185
Jumlah pembayaran	160

Berapakah nilai panjar runcit yang diperuntukkan pada setiap awal bulan?

- A RM65
B RM160
C RM185
D RM250
- 12 Maklumat berikut menerangkan tentang sistem perakaunan.

Buku X merekod semua jenis urus niaga perniagaan secara tepat dan sistematik dengan menggunakan sistem Y.

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Lejar	Sistem Catatan Bergu
B	Jurnal Am	Sistem catatan Tunggal
C	Buku Tunai	Sistem Inventori Berterusan
D	Buku Tunai Runcit	Sistem Panjar

- 13 Urus niaga berikuit berlaku kepada Kedai Baju Saloma pada 20 Januari 2026.

Pemilik menggunakan wang pinjaman peribadi untuk membayar sewa kedainya berjumlah RM2 600.

Catatan bergu manakah yang betul?

	Debit	Kredit
A	Sewa	Tunai
B	Ambilan	Sewa
C	Sewa	Modal
D	Pinjaman	Sewa

- 14 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Mahmood Enterprise.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2025

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Tunai	200	
Modal		15 000
Kenderaan	22 300	
Belian dan Jualan	15 000	23 400
Akaun Belum terima	2 500	
X		1 600
	40 000	40 000

Apakah X?

- A Overdraif bank
 - B Diskaun diberi
 - C Angkutan keluar
 - D Pulangan jualan
- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada kad inventori Bulan Bintang Enterprise.

Jenis barang	Baki Awal (Kotak)	Masuk (Kotak)	Keluar (Kotak)	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Benang	20	150	80	10	35
Butang	30	200	120	5	10

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM1 100
- B RM1 450
- C RM3 250
- D RM4 250



16 Manakah antara pernyataan yang berikut **benar** tentang Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?

- I Menunjukkan komponen jualan dan belian bersih.
 - II Item gaji belum bayar di catat dalam komponen belanja.
 - III Keuntungan daripada pelaburan saham dicatat sebagai hasil.
 - IV Mengetahui sama ada perniagaan mendapat untung atau rugi bersih.
- A** III dan IV
B I dan IV
C II dan III
D I dan III

17 Apakah catatan yang **betul** untuk kedudukan baki pelarasan akaun nominal pada akhir tempoh perakaunan?

	Butiran	Kedudukan baki
A	Gaji prabayar	kredit
B	sewa belum terima	kredit
C	Insurans belum bayar	debit
D	Komisen belum terperoleh	kredit

18 Maklumat berikut diperoleh daripada Syaza Enterprise.

	RM
Peruntukan Hutang Ragu (1 Jan 2025)	668
Peruntukan Hutang Ragu (31 Dis 2025)	740

Butiran manakah yang direkod dalam Akaun Untung Rugi?

- A** Hutang lapuk terpulih RM72
- B** Peruntukan hutang lapuk RM72
- C** Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu RM72
- D** Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu RM72

- 19 Berikut ialah petikan Imbangan duga Perniagaan Perabot Wafiy pada 31 Mac 2026.

	Debit RM	Kredit RM
Perabot	60 000	
Susut Nilai Terkumpul Perabot		5 600

Perabot disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Nilai perabot termasuk yang baru dibeli pada 1 Disember 2025 bernilai RM12 000.

Berapakah susut nilai perabot pada 31 Mac 2026?

- A RM4 240
 - B RM5 200
 - C RM4 640
 - D RM5 740
- 20 Untung bersih perniagaan Kedai Buku Tania pada 30 April 2026 ialah RM12 540. Kesilapan berikut telah dikesan dan belum direkod dalam mana-mana buku.

	RM
Hutang Lapuk Terpulih	780
Belanja promosi	230

Berapakah jumlah Untung Bersih selepas pelarasan?

- A RM13 550
 - B RM13 090
 - C RM11 990
 - D RM11 530
- 21 Pilih tafsiran yang betul bagi maklumat berikut.

$\text{Tokokan} = 70\%$

- A Perniagaan memperoleh untung bersih RM0.70 bagi setiap RM1.00 jualan bersih
- B Perniagaan memperoleh untung kasar RM0.70 bagi setiap RM1.00 jualan bersih
- C Perniagaan memperoleh untung bersih RM0.70 bagi setiap RM1.00 kos jualan
- D Perniagaan memperoleh untung kasar RM0.70 bagi setiap RM1.00 kos jualan

- 22 Perniagaan Qaseh Meqar memberikan maklumat seperti berikut :

	RM
Akaun Belum Terima	6 300
Jumlah jualan	120 000

Maklumat tambahan :

Nisbah jualan tunai kepada jualan kredit ialah 7:3

Berapakah tempoh kutipan hutang untuk setahun?

- A 20 hari
 - B 45 hari
 - C 64 hari
 - D 27 hari
- 23 Manakah antara berikut merupakan kesan rekod tak lengkap?
- A Modal akhir tidak dapat ditentukan
 - B Prestasi perniagaan tidak dapat dibandingkan
 - C Penyata Kedudukan Kewangan tidak dapat disediakan
 - D Cukai perniagaan tidak perlu dijelaskan
- 24 Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Makmur Sejahtera yang mengamalkan sistem catatan tunggal.

	RM
Untung bersih	27 080
Modal akhir	59 000
Modal awal	X
Ambilan	3 350

Berapakah X?

- A RM89 430
- B RM35 270
- C RM28 570
- D RM82 730



- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan yang tidak menyimpan rekod lengkap bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

	1 Januari 2026
	RM
Modal Awal	30 000
Modal Akhir	55 000
Ambilan	8 000
Modal Tambahan	10 000

Selain itu, pemilik telah terlebih menyatakan inventori akhir RM3 000 dan terkurang catat liabiliti RM2 000 pada akhir tempoh.

Berapakah untung bersih sebenar perniagaan selepas akhir tempoh perakaunan?

- A RM13 000
 - B RM15 000
 - C RM18 000
 - D RM19 000
- 26 Apakah maksud kawalan tunai dalam sesebuah perniagaan?
- A Proses merekod semua urusan kredit
 - B Proses menyediakan untung bersih perniagaan
 - C Kaedah mengira untung bersih perniagaan
 - D Langkah-langkah untuk menjaga dan mengawal penerimaan serta pembayaran tunai

- 27 Pada 30 Jun , baki tunai perniagaan Gemilang menunjukkan lebih sebanyak RM10 400. Maklumat tambahan adalah seperti berikut:

Cek belum dikemukakan	RM 2 600
Deposit belum dikreditkan	RM 1 800
Caj Bank (belum direkod dalam Buku Tunai)	RM 2 00

Apakah baki penyata bank yang diselaraskan ?

- A RM10 800
 - B RM11 000
 - C RM11 200
 - D RM11 400
- 28 Manakah merupakan item penerimaan tunai?
- A Hutang lapuk
 - B Pembelian aset
 - C Bayaran gaji pekerja
 - D Kutipan dari Akaun Belum Terima
- 29 Apakah sebab pemilik Klinik Andra menukar bentuk perniagaan kepada Klinik Andra & rakan-rakan?
- A Modal lebih besar
 - B Senang ditubuhkan
 - C Bebas menguruskan perniagaan
 - D Keuntungan dimiliki sepenuhnya.

- 30 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Kesuma.

	RM
Untung bersih	50 400
Modal Nurul	20 000
Modal Noura	30 000

Mengikut Ikatan Perkongsian, untung atau rugi perlu dibahagi mengikut nisbah modal.

Berapakah jumlah kongsi untung pekongsi Nurul?

- A RM20 160
 B RM25 200
 C RM30 240
 D RM33 600
- 31 Petikan Akaun Realisasi dibawah diambil daripada Perkongsian Yasara Store.

Akaun Realisasi

2026			2026		
Mei 31	Perabot	3 800	Mei 31	Bank	20 500
	Kenderaan	17 000		Bank	14 400
	Akaun			Akaun	
	Belum			Belum	
	Terima	5 000		Bayar	620

Untung atau rugi dibahagi antara Yana dan Sara dengan nisbah 2:1

Berapakah untung atau rugi bagi Yana?

- A Rugi RM3 240.
 B Rugi RM6 480
 C Untung RM3 240
 D Untung RM6 480

- 32 Pernyataan yang manakah menerangkan ciri Syer Biasa?
- A Kadar dividen tetap.
 - B Berhak menerima tunggakan dividen.
 - C Pemegang saham berhak mengundi dalam mesyuarat agung.
 - D Berhak menerima dividen sebelum pembayaran kepada pemegang syer keutamaan .
- 33 Apakah modal yang direkodkan di bahagian ekuiti pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan bagi sebuah syarikat berhad?
- A Modal awal
 - B Modal akhir
 - C Modal tambahan
 - D Modal diterbitkan dan berbayar
- 34 Pernyataan yang manakah benar tentang sebuah kelab dan persatuan?
- A Aktiviti utama yang dijalankan berorientasi keuntungan
 - B Sumber utama kewangannya ialah sumbangan daripada orang ramai
 - C Pencapaiannya diukur dari segi kemudahan dan kebajikan kepada ahli
 - D Segala aktiviti jual beli adalah bertentangan dengan tujuan kelab ditubuhkan
- 35 Yuran yang manakah tercatat dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran?
- A Jumlah yuran yang diterima sepanjang tahun
 - B Jumlah yuran yang diterima termasuk yuran belum terima
 - C Jumlah yuran yang diterima tidak termasuk yuran belum terima
 - D Jumlah yuran yang diterima tidak termasuk yuran belum terperoleh
- 36 Kelab Memanah Star menerima bayaran yuran daripada ahli kelab pada setiap bulan. Apakah yuran yang direkodkan ke dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?
- A Yuran yang diterima sepanjang tahun
 - B Yuran yang belum terima pada awal tahun
 - C Yuran yang belum terima pada akhir tahun
 - D Yuran yang sepatutnya diterima sepanjang tahun



- 37 Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan yuran kelab dan persatuan?

Yuran tahun perakaunan yang lepas dihapuskan dalam tahun perakaunan semasa.

Apakah komponen yuran tersebut?

- A Yuran lapuk
 - B Yuran semasa
 - C Yuran belum terima
 - D Yuran belum terperoleh
- 38 Antara berikut, yang manakah merupakan butiran Kos Overhed
- A Loji dan alatan kilang
 - B Susut nilai alatan kecil
 - C Sewa bangunan pejabat
 - D Gaji operator pengeluaran
- 39 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Mekar

	RM
Kos bahan langsung	18 700
Kos buruh langsung	48 100
Kos overhed	51 200
Kerja dalam proses awal	5 010
Kerja dalam proses akhir	6 250

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM106 740
- B RM116 760
- C RM119 240
- D RM112 260

- 40 Berikut ialah maklumat dari Kilang Zam bagi tahun 2024 dan 2025

Tahun	Unit Jualan	Jumlah Jualan (RM)	Jumlah Kos (RM)
2024	30 000	150 000	132 000
2025	48 000	240 000	186 000

Maklumat Tambahan:

Harga jualan seunit, kos berubah seunit dan kos tetap untuk kedua-dua tahun tersebut adalah malar.

Berapakah Kos Berubah Seunit?

- A RM3.00
- B RM3.88
- C RM4.40
- D RM5.00

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

